

28/06/2001

Pengganti Daim mampu urus ekonomi: Mahathir

KUALA LUMPUR, Rabu - Menteri Kewangan yang baru bagi menggantikan Tun Daim Zainuddin akan mampu menguruskan ekonomi negara, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri yang juga pemangku Menteri Kewangan berkata, tidak timbul soal sama ada orang baru itu nanti berupaya atau tidak untuk menandingi Daim.

"Malah, ketika Tun Daim masih dalam kerajaan, ia bukan keputusan dia seorang (mengurus soal ekonomi). Kita mempunyai jawatankuasa MTEN (Majlis Tindakan Ekonomi Negara) yang membincang cara sebaik mungkin menguruskan ekonomi.

"Ia adalah usaha bersama, bukan satu orang dan kita semua berada dalam jawatankuasa yang sama. Jawatankuasa itu masih wujud dan kita mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya setiap minggu, jadi kita boleh mengurus," katanya selepas menyampaikan ucapan pada Kongres Pembangunan Ekonomi dunia, di sini hari ini.

Beliau ditanya sama ada Menteri Kewangan yang baru nanti akan mempunyai kebolehan sama seperti Daim untuk memacu ekonomi negara dalam keadaan tekanan antarabangsa berikutan kelembapan ekonomi Amerika Syarikat.

Daim meletakkan semua jawatan dalam kerajaan dan parti selaku Bendahari Agung Umno berkuat kuasa mulai 1 Jun lalu.

Bagaimanapun ketika ditanya sama ada kenyataannya itu bererti pelantikan Menteri Kewangan baru, akan mengambil masa lebih lama, Dr Mahathir secara berseloroh berkata:

"Mengapa anda (wartawan) berminat, apakah anda memohon (jawatan Menteri Kewangan)? Saya sudah mendapat borang permohonan sebenarnya... tetapi belum buat apa lagi."

Dr Mahathir juga menolak tanggapan bahawa Malaysia menuju kemelesetan ekonomi berikutan jangkaannya terhadap pertumbuhan ekonomi suku kedua yang lebih rendah.

"Tidak. Kita tidak akan memasuki kemelesetan ekonomi. Kecuali anda memperoleh pertumbuhan negatif dua suku tahun berturut-turut, maka anda boleh membicarakan mengenai kemelesetan," katanya.

Beliau berkata, Malaysia mencatatkan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) positif dalam suku pertama tahun ini berbanding dengan suku pertama tahun 2000 dan satu lagi pertumbuhan dijangka dalam suku kedua 2001.

Malaysia mencatatkan pertumbuhan 3.2 peratus bagi tempoh Januari hingga Mac 2001.

Isnin lalu, beliau berkata KDNK bagi suku kedua tidak sebaik yang sepatutnya tetapi serupa dengan pertumbuhan suku pertama.

Katanya, walaupun langkah diambil untuk mengurangkan penguncupan ekonomi, kemelesetan ekonomi Amerika Syarikat (AS) menjejaskan Malaysia memandangkan AS adalah rakan dagangannya yang besar, menyumbang 20 peratus daripada keseluruhan perdagangan negara ini.

"Mereka (AS) tidak membeli sebanyak yang mereka pernah buat manakala rakan dagangan kita yang lain juga menderita akibat kelembapan ekonomi AS, yang juga menjejaskan kita.

"Tetapi Malaysia masih mampu mencapai pertumbuhan dalam suku pertama, yang boleh dipuji, dan tiga peratus adalah juga masih satu pertumbuhan," katanya.

Apabila ditanya sama ada Malaysia mungkin mahu mengurangkan kadar

faedahnya jika AS memotong kadarnya malam ini, Dr Mahathir berkata: "Saya tidak fikir kadar faedah semata-mata akan berkesan kepada prestasi ekonomi."

Sebaliknya, kata beliau, Malaysia mempunyai instrumen lain untuk meningkatkan ekonomi dan keputusan mengenainya terletak di atas bahu mereka di dalam jawatankuasa MTEN.

Dr Mahathir juga menyatakan bahawa Malaysia kehilangan AS\$250 bilion (RM950 bilion) sepanjang krisis kewangan serantau pada 1997/98 disebabkan kejatuhan nilai ringgit berikutan serangan spekulator dan kejatuhan harga saham di Bursa Saham Kuala Lumpur.

Katanya, spekulator mata wang mengaut keuntungan kira-kira AS\$5 bilion (RM19 bilion) tetapi ia memiskinkan banyak negara lain termasuk Malaysia iaitu kerugian AS\$200 bilion (RM760 bilion) disebabkan kejatuhan ringgit dan AS\$50 (RM190 bilion) berikutan kejatuhan modal pasaran saham.

(END)